

# Konsep Fardu Kifayah untuk Keharmonian dan Kerukunan Masyarakat Islam

Razin Riyadhuddin Rahasdin  
Mohd Suherlin Azwan Mohd Saufi  
Bushrah Basiron

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, bushrah@utm.my

## Suggested Citation:

Rahasdin, Razin Riyadhuddin; Mohd Saufi, Mohd Suherlin Azwan; & Basiron, Bushrah. (2019). *Konsep Fardu Kifayah untuk Keharmonian dan Kerukunan Masyarakat Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 141-154, ISBN: 978-967-2171-91-1.

## Abstract

Islam merupakan satu cara hidup yang mewarnai kehidupan individu dan juga masyarakat. Peraturan yang ditetapkan menjadi panduan yang sistematik dalam apa jua urusan individu di muka bumi ini. Sumber tamadun Islam adalah berpaksikan wahyu yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber naqli ini sangat penting kerana memainkan peranan yang besar sebagai pencetus asas-asas binaan tamadun Islam, iaitu akidah, syariah, dan akhlak. Dalam hal ini, Allah menciptakan manusia dengan beragam bentuk, bahasa dan warna kulit. Namun begitu, semuanya sama di hadapan Allah dan tidak ada yang didahulukan antara satu kelompok dengan yang lainnya kecuali dengan kualiti kesolehan, ketakwaan dan keimanannya. Selain itu, akhlak mulia menjadikan interaksi seorang muslim dengan semua manusia sebagai sesuatu yang sangat istimewa. Hal ini demikian kerana tidak ada beza antara yang kaya dan miskin, pemimpin atau rakyat jelata, Arab atau bukan Arab atau kulit putih atau hitam. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang fardu kifayah dalam rangka untuk menjamin keharmonian dan kerukunan masyarakat Islam. Dalam konteks pendidikan Islam, kertas kerja ini juga akan membincangkan tentang bidang-bidang ilmu dalam Islam yang diklasifikasikan sebagai ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah, iaitu mengikut bidang fardu yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam. Fardu Ain merupakan satu kewajipan ke atas setiap individu manakala fardu kifayah amat luas bidangnya, iaitu meliputi semua bidang yang berkaitan dengan kepentingan atau asas dalam kehidupan manusia. Dengan kata lain, selain ilmu fardu ain, ilmu fardu kifayah juga perlu dikaji dan dipelajari untuk menjamin kesejahteraan dan menjaga serta mengekalkan keharmonian seluruh umat Islam manusia. **Kata Kunci:** Fardu kifayah, Keharmonian, Kerukunan, Masyarakat Islam

## References

- Abd. Wahab, Nor Azlina, Ab. Hamid, Norafifah, & Che Man, Norajila. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219-229.
- Abdillah Azizy, Ahmad Qodri. (2004). *Membangun Fondasi Ekonomi Umat: Meneropong Prospek Berkembangnya Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Abdulaziz, Adel M, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. (2008). Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Abdullah, Ahmad Baharuddin. (2004). *Memperkenalkan Bidang Kejuruteraan: Persepsi & Sumbangan Islam*. Bentong, Pahang :: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah, Ahmad Bahrudin. (2004). *Bidang Kejuruteraan, Persepsi & Sumbangan Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abidin, D.Z. (2003). *Perubatan Islam Edisi Kedua*. Bentong, Pahang: PTS Millennia.
- Abu Yu'la, Ahmad. (1984). *Musnad Abi Yu'la* (Husain Salim Asad Ed. Vol. 1-13). Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Adnan, Mohd Azli, Ahmad, Asnuurien Najma, & Husin, Rasdin. (t.th.). *Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam*. Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya

- Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1994). *Al-Mu'jam al-Kabir* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-25). Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1995). *Al-Mu'jam al-Ausat* ('Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad Ed. Vol. 1-10). Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Analia, Anne, Demoni, Bunga Diadara, Wati, Ria Vinola Widia, Wulan, Siti Nur, & S., Tamara Amalia. (2013). Sains dan Teknologi dalam Islam. Retrieved from <http://riaviinola.blogspot.my/2013/12/sains-dan-teknologi-dalam-islam.html>
- Ashraf Aziz, Mohd Farid Abbas, Mohd Saaban Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- Basiron, Bushrah. (2013). *Penggunaan & Pemilikan Harta Menurut Perspektif Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Danusiri, Danusiri. (2015). Islam: Membentuk Sains dan Teknologi. *Jurnal Theologia*, 26(1), 31.
- Fakhri, Jamal. (2010). Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Ta'dib: Journal of Islamic Education (Jurnal Pendidikan Islam)*, Vol 15(No 01 ), 121-142.
- Fakri, Jamal. (2010). Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Ta'dib*, XV (1).
- GCPI. (2008) *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah/Interviewer: Jasmi Kamarul Azmi*. PhD, FTI, UTM, Skudai Johor.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hassan, Muhammad Haniff. (2000). *Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan dan Perubatan*. Singapura: Perdaus.
- Ibrahim, Muhamad Izzat, Nazri, Fadzren Iqbal, & Basiron, Bushrah. (2018). *Islam Serta Pembentukan Sains dan Teknologi*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jalal, Burhanudin. (2017). Agama. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 2-5). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Available from <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016a). Niat dan Ikhlas. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 11-13). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016b). Pembangunan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 99-100). Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017a). Adab. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 1-2). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017b). Guru Cemerlang. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 53-56). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017c). Niat dan Ikhlas. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 138-140). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017d). Pembangunan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 149-150). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017e). Pembangunan Insan. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 151-152). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017f). Riyadhah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2nd ed., Vol. 1, pp. 205-206). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). Kerekter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 9: Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahmad, Azura, & Jamarluddin, Izzatul Amanda. (2013). Al-Quran dan biologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran* (pp. 49-73). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ahmad Zawawi, Nurliyana. (2013). Al-Quran dan Geografi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 55-81). Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Jasmi, Mohd Aris. (2019). *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan*. Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mat Udin, Syarah. (2013). Al-Quran dan Zoologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Botani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran* (pp. 17-31). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2005). *Kecemerlangan Wanita Profesional Mengimbangi Tugas Rumah tangga dan Kerjaya: Perspektif Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Wanita Profesional, Main Hall of Faculty of Education, Universiti Malaya. [http://eprints.utm.my/41142/1/JasmiKA2005\\_KecemerlanganWanitaProfesionalMengimbangiTugas.pdf](http://eprints.utm.my/41142/1/JasmiKA2005_KecemerlanganWanitaProfesionalMengimbangiTugas.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi, Othman, Siti Nadirah, & Walter, Azureen Sabina. (2012, 21 April 2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007, 22-23 Ogos 2007). *Guru Cemerlang dalam Sekolah Berkesan*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pendidikan Kebangsaan Halatuju dan Masa Depan Pendidikan Negara, Auditorium Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. (2009). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Sains Humanika*, 51(1).
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Mohd Hamzah, Mohd Izham. (2009). *Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Menengah kepada Allah S.W.T.: Satu Kajian Kes*. Kertas kerja Dibentangkan di The 7th World Conference on Muslim Education, Blue Wave Hotel, Shah Alam Selangor. [http://eprints.utm.my/41075/1/KamarulAzmiJasmi2009\\_KeperibadianGuruGCPIkepadaAllah.pdf](http://eprints.utm.my/41075/1/KamarulAzmiJasmi2009_KeperibadianGuruGCPIkepadaAllah.pdf)
- Jusoh, Yahaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kadri, Zarina, Ahmad, Sanep, & Mohd Noor, Mohd Ali (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Jilid 2*.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- M. Abdulaziz, Adel, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. (2008). Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam. In Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi

- Jasmi (Ed.), *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Miskon, Shahrul Affendi, Hairudin, Norhazah, & Safar, Jimaain@Ajmain. (2018). *Sains Teknologi Islam dalam Pembelajaran*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ali, Ahmad Fahme, Ibrahim, Mohd Faisol, Ab Aziz, Muhammad Ridhwan, & Fuadah, Johari. (2014). Konsep dan Isu Had Kifayah: Kemiskinan Bandar dan Jantina dalam Pengagihan Zakat. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*.
- Mohd Azli Adnan, Asnuurien Najma Ahmad, Rasdin Husin. (t.th.). *Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam*. Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Mohd Mazuki, Azyati Azhani, Mujani, Wan Kamal, Aziz, Azmi, & Rozali, Ermy Azziaty. (2013). Aplikasi Konsep Wasatiah Dalam Pembentukan Piagam Madina. *International Journal of West Asian Studies*, 5 (2), 15.
- Mohd Nor, Nor Shelida, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Urusan Rumah tangga Dan Kerjaya: satu Kajian Terhadap Mahasiswa Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (pengajian Islam)*. (Sarjana Muda), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Mohd Sobali, Amiruddin, Zakaria, Nidzamuddin, & Syed Hassan, Syed Najihuddin. (2013). *Fardu Kifayah dalam Kepelbagaian Karier menurut Perspektif al-Quran*. Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya* (pp. 129-140). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustaffa, Mohamed Sharif, & Ahmad, Roslee. (2002). Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 8(Oktober), 63-70.
- Mustari, Mohd Ismail, Basiron, Bushrah, & Muhammad, Azhar. (2013). *Menginovasi Masjid mensejahtera ummah*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Mustari, Mohd Ismail, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008a). Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari (pp. 138). Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustari, Mohd Ismail, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008b). *Pengimarahannya Masjid dalam Agenda Ummah*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008a). *Pengimarahannya Masjid dalam Agenda Ummah*. Skudai, Johor Bahru, Johor.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008b). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai, Johor Bahru, Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Myibbin, Mohd Rifqi, Hassan, Siti Zainab, Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2004, 7-9 December 2004). *Zakat Pertanian dalam Konteks Malaysia Satu Kajian dan Penilaian Semula*. Kertas Kerja Dibentangkan di International Seminar on Islamic Thoughts, Bangunan Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nairozle, Muhammad Imran, Ibrahim, Muhammad Nur Arif, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Sains-Teknologi dan Ilmu Agama Menurut Bahasa al-Quran dan Hadis*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nisa', Ririn Choirun, Rahma, Widya, & Chotima, Kusnul. (2014). *Pendidikan Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Hadits*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia: Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan Jurusan Pendidikan Agama Islam Surabaya.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. (2016). Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2).
- Nugraha, Mukhlas. (2016). Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya dalam Kurikulum Pendidikan Islam. *IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 10 (2017): 103-149.
- Omar, Nizaita (2006). Perkembangan Ilmu Perubatan: Sebelum dan Selepas Kedatangan Islam. *Jurnal Pengajian Umum Bil.*, 7.
- Othman, Siti Nadirah, Walter, Azureen Sabina, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.

- Saari, Che Zarrina, & Borhan, Joni Tamkin. (2003). Pembangunan Ekonomi Masjid (Economic Development of Mosque). In Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusoff (Ed.), *Pembangunan Institusi Masjid (Development of Mosque Institution)* (pp. 43-58). Kuala Lumpur: Dept. Of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Safar, Ajmain@Jimaain. (2017a). Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2 ed., Vol. 1, pp. 5-10). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Safar, Ajmain@Jimaain. (2017b). Pendidikan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2 ed., Vol. 1, pp. 173-180). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Saniman, Muhammad Amin, Xuan, Teoh Hao, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Peringkat Permulaan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman, Mansor, Ahmad, Hasan, Ikmal Hisham, Ahmad Irfan, Md Nordin, Noradilah , & Ramli, Saharudin. (2013). *Had al-Kifayah di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia*.
- Tahir, Endok Sempo Mohd. (2008). *Mengapa Saya Bekerja? Cerita-cerita Inspirasi Wanita Bekerjaya* (Siti Nor Fadilah Salleh, Nor Hafizah Mohd Samsudin, & Nahddatun Nisaak Othman Ed.). Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Wahyudi. (2011). *Integrasi Pendidikan Agama Islam dengan Sains dan Teknologi*. (Pascasarjana), Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Kediri, Kediri, Indonesia.
- Wan Embong, Wan Hassan. (2017). Pendidikan. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 170-173). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, Azizi , & Hashim, Shahrin. (2008). *Permasalahan dalam Pendidikan Sains dan Matematik*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.

# 11

## KONSEP FARDU KIFAYAH UNTUK KEHARMONIAN DAN KERUKUNAN MASYARAKAT ISLAM

Razin Riyadhuiddin Rahasdin  
Mohd Suherlin Azwan Mohd Saufi  
Bushrah Basiron

### Abstrak

*Islam merupakan satu cara hidup yang mewarnai kehidupan individu dan juga masyarakat. Peraturan yang ditetapkan menjadi panduan yang sistematik dalam apa jua urusan individu di muka bumi ini. Sumber tamadun Islam adalah berpaksikan wahyu yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Kedua-dua sumber naqli ini sangat penting kerana memainkan peranan yang besar sebagai pencetus asas-asas binaan tamadun Islam, iaitu akidah, syariah, dan akhlak. Dalam hal ini, Allah menciptakan manusia dengan beragam bentuk, bahasa dan warna kulit. Namun begitu, semuanya sama di hadapan Allah dan tidak ada yang didahulukan antara satu kelompok dengan yang lainnya kecuali dengan kualiti kesolehan, ketakwaan dan keimanannya. Selain itu, akhlak mulia menjadikan interaksi seorang muslim dengan semua manusia sebagai sesuatu yang sangat istimewa. Hal ini demikian kerana tidak ada beza antara yang kaya dan miskin, pemimpin atau rakyat jelata, Arab atau bukan Arab atau kulit putih atau hitam. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang fardu kifayah dalam rangka untuk menjamin keharmonian dan kerukunan masyarakat Islam. Dalam konteks pendidikan Islam, kertas kerja ini juga akan membincangkan tentang bidang-bidang ilmu dalam Islam yang diklasifikasikan sebagai ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah, iaitu mengikut bidang fardu yang perlu dilaksanakan oleh setiap orang Islam. Fardu Ain merupakan satu kewajipan ke atas setiap individu manakala fardu kifayah amat luas bidangnya, iaitu meliputi semua bidang yang berkait dengan kepentingan atau asas dalam kehidupan manusia. Dengan kata lain, selain ilmu fardu ain, ilmu fardu kifayah juga perlu dikaji dan dipelajari untuk menjamin kesejahteraan dan menjaga serta mengekalkan keharmonian seluruh umat Islam manusia.*

**Kata Kunci:** *Fardu kifayah, Keharmonian, Kerukunan, Masyarakat Islam*

### PENGENALAN

Fardu Kifayah ialah satu perkara wajib yang harus dilakukan oleh sebahagian anggota masyarakat dalam menjaga kepentingan umat Islam. Jika ianya dipandang ringan atau tiada siapa pun yang mengambil tanggungjawab untuk melakukannya, maka seluruh masyarakat akan berdosa (Al-Attas, 1980; Jasmi, 2020, 2018a). Sebagai contohnya, menguasai ilmu atau kepakaran sesuatu bidang seperti pendidikan (Jasmi, 2017a; Jalal, 2017; Safar, 2017a; Jasmi, 2016b, 2017d, 2017e; Wan Embong, 2017; Safar, 2017b; Jasmi, 2017f), teknologi (Nairozle *et al.*, 2018; Miskon *et al.*, 2018; Ibrahim *et al.*, 2018; Danusiri, 2015; Nisa' *et al.*, 2014; Analia *et al.*, 2013; Wahyudi, 2011; Fakri, 2010; Fakhri, 2010), perubatan (Omar, 2006; Abidin, 2003; Hassan, 2000; Jasmi *et al.*, 2013; Jasmi, 2013), kejuruteraan (Mohd Azli Adnan, t.th.; Adnan *et al.*, t.th.; Abdullah, Ahmad Baharuddin, 2004; Abdullah, Ahmad Bahruddin, 2004) dan lain-lain yang boleh mendatangkan kepentingan kepada ummah.

## KEPENTINGAN FARDU KIFAYAH

Kepentingan Fardu Kifayah ini harus dipelajari perbezaannya dengan Fardu Ain (Nugraha, 2016). Fardu ain merupakan perintah Allah yang wajib untuk di dipikul oleh setiap umat Islam sama ada lelaki atau perempuan. Jika tidak dilaksanakan maka hukumannya adalah berdosa. Contohnya, melaksanakan solat lima waktu sehari dan semalam, memberi zakat (Jasmi, 2020, 2018a) dan berpuasa pada bulan Ramadan (Jasmi & Jasmi, 2019). Manakala jika fardu kifayah diabaikan, masyarakat Islam pasti mundur dan ketinggalan berbanding masyarakat lain dalam sesuatu bidang. Oleh itu, kesan pengabaian fardu kifayah turut menyebabkan masyarakat mudah ditipu, dipermainkan dan dipengaruhi oleh anasir-anasir luar. Umat Islam akan hidup dalam keadaan yang mundur kerana tidak mahir dalam sesuatu bidang ilmu bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Menurut Jasmi (2018b) manusia adalah Khalifah Allah di muka bumi ini. khalifah bermaksud wakil dari Allah untuk mentadbir alam ini supaya ia sentiasa dalam keadaan aman, damai dan sejahtera. Setiap manusia secara peribadinya berhak memegang jawatan tersebut sebagaimana disebutkan dalam firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْخَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَاءِ آتَانِكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ  
 الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦٥﴾

Maksud: “Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”

(Surah al-An’am, 6: 165)

Ayat ini mengajar umat Islam erti tanggungjawab dalam menunaikan amanah yang diberikan kepada umat Islam agar dapat mencapai matlamat untuk melahirkan masyarakat yang aman dan harmoni.

### Kepentingan Individu

Kepentingan menguasai Fardu Kifayah, menurut Mohd Ali *et al.* (2014) mampu melahirkan individu yang rajin dan bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu pengetahuan. Kepentingan Fardu Kifayah juga boleh melahirkan individu yang mahir dan pakar dalam suatu bidang ilmu dan kemahiran yang dipelajarinya. Di samping itu, pelaksanaan Fardu Kifayah ini mampu melahirkan individu muslim yang tinggi ilmu dan amalnya serta menguasai pelbagai bidang.

### Kepentingan Masyarakat

Amalan mempraktikkan Fardu Kifayah amat membantu dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam sesuai dengan tuntutan syariat (Mohd Sobali *et al.*, 2013). Tambahan pula, ianya boleh mempertingkatkan daya saing dan memajukan sesebuah negara dengan mempunyai masyarakat yang boleh menguasai semua bidang kehidupan. Hal ini demikian kerana amalan Fardu Kifayah terbukti sama sekali tidak memberi kesan negatif terhadap masyarakat malah menyumbang kepada kehidupan yang lebih teratur, harmoni dan bersatu padu. Dalam hal ini, pengaplikasian fardu kifayah dalam kalangan umat Islam juga akan menyebabkan mereka dipandang mulia serta disegani oleh masyarakat lain.

## **Kepentingan Negara**

Dalam konteks negara, penguasaan ilmu Fardu Kifayah dalam sesebuah negara akan menjadikan negara tersebut dihormati dan disegani kerana merealisasikan tuntutan Islam yang mengamalkan konsep kesejahteraan untuk manusia sejagat (Jusoh & Jasmi, 2006). Lahirnya masyarakat yang menguasai ilmu Fardu Kifayah ini amat membantu sesebuah negara itu berkembang maju dalam segenap bidang dan seterusnya mampu mengukuhkan ekonomi negara dengan kepakaran ilmu yang diterapkan dalam diri individu dan anggota masyarakat. Jelasnya, penerapan ilmu fardu kifayah juga amat penting dalam membangunkan ekonomi negara supaya bertambah teguh dan sistematik di samping melahirkan sebuah negara yang sentiasa aman dan makmur (Nugraha, 2016).

## **KEUTAMAAN FARDU KIFAYAH DEMI MENJAGA KEMASLAHATAN HAJIYYAT DAN TAHSINIYYAT**

Konsep fardu kifayah adalah merujuk kepada maksud jika terdapat golongan tertentu yang melaksanakan suatu tuntutan agama yang tergolong dalam fardu kifayah, maka itu sudah memenuhi dan terlepaslah tanggungan tersebut ke atas orang lain. Sebagai contoh, dalam pengurusan jenazah orang Islam, jika terdapat satu kumpulan anggota masyarakat yang menguruskannya, maka terlepas tanggungan itu daripada anggota masyarakat yang lain (Nugraha, 2016).

Manakala fardu ain merujuk kepada kewajipan ke atas setiap individu muslim untuk melaksanakannya tanpa kecuali. Dengan itu, dapat difahami bahawa fardu ain adalah berbeza daripada fardu kifayah namun kedua-duanya mempunyai kepentingan tersendiri dalam memastikan kelancaran, keharmonian dan kesejahteraan hidup manusia.

## **BIDANG FARDU KIFAYAH**

Fardu Kifayah adalah perkara wajib yang harus dilaksanakan oleh sebahagian masyarakat dalam mengekalkan kepentingan umat Islam. Namun begitu, demi menjaga kesejahteraan dalam hidup bermasyarakat, setiap individu muslim harus mempelajari pelbagai disiplin ilmu dalam usaha untuk melengkap keperluan hidup dari masa ke semasa. Terdapat pelbagai disiplin ilmu yang dikategorikan sebagai ilmu fardu kifayah, antaranya perakaunan, pertanian, kejuruteraan, matematik, zoologi, perubatan, pengurusan jenazah dan sebagainya.

### **Perakaunan**

Antara ilmu fardu kifayah ialah ilmu perakaunan. Dalam hal ini, adalah penting bagi seseorang individu untuk menguasai bidang perakaunan kerana ilmu tersebut digunakan dalam urusan muamalat. Pada zaman Rasulullah SAW, para sahabatnya diperintahkan untuk mengira dan merekodkan wang atau harta negara semasa pungutan zakat dan sedekah (Kadri *et al.*, 2012). Baginda SAW melaksanakan kewajipan dalam berzakat menggunakan kaedah perakaunan, iaitu mata wang yang digunakan mengikut nilai semasa. Dengan itu, setiap urusan jual beli harus mempunyai cop pengesahannya (Mohd Ali *et al.*, 2014).

Begitu juga pada zaman Umar al-khattab, yang mana beliau merekodkan setiap aktiviti keluar masuk wang dalam buku catatan harian dengan tarikh, bulan, hari dan tahun secara lengkap dan terperinci (Abdillah Azizy, 2004; Saari & Borhan, 2003; Saniman *et al.*, 2012).

Tidak ketinggalan juga pada zaman kerajaan Umaiyah dan Abbasiyah (Othman *et al.*, 2012; Kuang *et al.*, 2012; Jasmi *et al.*, 2012; Ashraf Aziz, 2012), yang menggunakan angka tertentu dalam urusan menjual beli, pembahagian pusaka, menyukat dan menimbang. Selain itu, dalam bidang perakaunan ini juga terdapat kepentingan dalam memelihara harta antaranya, dalam pembahagian harta terdapat catatan bertulis yang menunjukkan pembuktian sekiranya berlaku sebarang perselisihan antara pihak yang terlibat. Oleh itu, ianya memberi masalah kepada semua pihak yang menjalankan urusan muamalat. Jelasnya, konsep pemilikan harta dalam Islam



ialah setiap manusia yang dikurniakan nikmat yakni harta, ia merupakan pemegang amanah bagi harta tersebut untuk diuruskan dengan sebaiknya manakala pemilik mutlak harta adalah Allah SWT. Dengan itu, insan yang dikurniakan kelebihan harta tidak sepatutnya sombong dengan harta dan wang ringgit yang dimilikinya (Basiron, 2013).

### **Pertanian**

Bidang pertanian juga adalah salah satu pekerjaan yang amat digalakkan oleh Allah SWT dan juga Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana pertanian merupakan pekerjaan yang mulia yang mana terdapat banyak ayat al-Quran yang menyebut tentang hasil tanaman dan buah-buahan yang pelbagai. Selain itu, pekerjaan dalam bidang ini juga dapat mendekatkan diri seseorang dengan Allah SWT dari segi akidahnya. Hal ini demikian kerana dalam melaksanakan pekerjaan ini, seseorang itu memahami dan menghayati hakikat sebenar bertawakal kepada Allah SWT setelah berusaha dengan sebaik mungkin. Di samping itu, pekerjaan ini juga akan mendidik manusia tentang kebesaran Allah SWT dalam kejadian tanaman dan tumbuh-tumbuhan yang membuktikan kekuasaan Allah SWT dalam menghidup dan mematikan (Myibbin *et al.*, 2004).

Dengan itu, setiap hasil tanaman merupakan ketentuan Allah SWT dan itu adalah ketetapan-Nya seperti Firman-Nya yang bermaksud:

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ نَبَاتَ كُلِّ شَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا  
مُتَرَكَبًا وَمِنَ النَّخْلِ مِنْ طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّاتٍ مِنْ أَعْنَابٍ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ  
انظُرُوا إِلَى ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَيَنْعِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٩٩﴾

Maksud: *Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit, lalu kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah-buahan) yang bergugus-gugus dan dari pohon tamar (kurma), dan mayangnya (Kami keluarkan) tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun dari anggur dan zaitun serta delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu pada buahnya apabila ia berubah, dan ketika masakannya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman "*

(Surah *aI-Ana'am*, 6: 99).

Ayat al-Quran ini menerangkan bahawa setiap ketentuan nikmat itu adalah milik Allah SWT. Malahan setiap kebaikan yang diberikan adalah tanda kasih sayang-Nya kepada hamba-Nya seperti penciptaan tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan untuk kelengkapan dan keperluan manusia seluruhnya.

### **Geografi**

Bidang Geografi merupakan ilmu yang meliputi kajian tentang muka bumi, penduduk, dan segala fenomena fizikal yang berkaitan di atas muka bumi. Selain itu, ilmu ini juga merupakan suatu perkara yang amat penting bagi umat Islam. Hal ini demikian kerana bidang ini juga membantu manusia dalam menentukan arah kiblat untuk menunaikan solat yang mana arahnya tidak berubah selepas zaman Rasulullah SAW. Oleh itu, ilmu geografi menjadi antara tumpuan utama masyarakat pada zaman Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana ilmu ini membantu mereka dalam menentukan arah perjalanan seperti yang berlaku pada abad ke 1H/7M ke negeri China. Di samping itu, pada zaman pertengahan juga ilmu ini turut

membantu melahirkan sarjana yang dapat mengkaji tinggalan dahulu kala seperti binatang, iaitu fosil yang menjadi batu (Jasmi & Ahmad Zawawi, 2013).

### Matematik

Ilmu matematik merupakan rujukan utama di tanah Arab ketika ilmu pengetahuan mula berkembang sejak zaman Abbasiyyah yang banyak memberi sumbangan yang besar dalam kegiatan keilmuan. Selain itu, ilmu Matematik juga banyak dipermudahkan oleh sarjana terdahulu agar mudah difahami dan dipelajari. Melalui ilmu matematik juga wujudnya abjad yang mewakili nombor dan sistem yang merupakan sumbangan terbesar sarjana Islam terdahulu kepada masyarakat dunia. Dalam hal ini, amatlah penting bagi seseorang individu untuk mempelajari ilmu ini khususnya untuk membantu mereka dalam melaksanakan urusan zakat dan pembahagian harta pusaka yang memerlukan kemahiran dalam pengiraan. Dalam konteks ini, al-Khawarizmi merupakan salah seorang tokoh Islam yang terkenal dalam bidang matematik dan antara sumbangan beliau dalam bidang ini ialah memperkenalkan sistem nombor, mempelopori ilmu algebra, geometri dan trigonometri serta berjaya menyelesaikan permasalahan berkaitan harta pusaka. Di samping itu, mempelajari ilmu seperti ini dapat menaikkan nama dan imej Islam serta membuktikan bahawa umat Islam boleh memajukan diri dalam aspek pendidikan (Yahaya & Hashim, 2008).

### Ilmu Perubatan Dan Kedokteran

Kesihatan manusia harus dijaga kerana manusia sentiasa terdedah kepada pelbagai jangkitan dan penyakit. Oleh itu, Ilmu perubatan dan kedokteran amat penting dalam merawat penyakit yang dihadapi oleh setiap anggota masyarakat. Pada zaman Rasulullah SAW, terdapat seorang sahabat bernama Afranjah RA mengalami kecederaan pada bahagian hidung dan dibedah oleh Ibn Abi Ramthah al-Thamim. Dalam hal ini, ilmu fardu kifayah khususnya ilmu perubatan ini amat penting dalam melahirkan pakar perubatan Islam yang mahir dalam bidang ilmu perubatan seperti pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah yang berjaya melahirkan pakar perubatan dari Parsi, Yunan dan Syria. Begitu juga di dunia Timur dan di Barat yang menjadi tumpuan utama dalam menyalurkan sumbangan dalam bidang perubatan oleh tamadun Islam sendiri memandangkan ilmu pengetahuan yang pertama dalam bidang perubatan ialah di sebelah Timur. Malahan tahap kemajuan dalam bidang perubatan Islam dapat dilihat dari ketokohan para doktor Islam seperti al-Zahwari, Ibn Sina dan lain-lain dalam mencetuskan inovasi-inovasi dan pemikiran baru dalam bidang perubatan (Omar, 2006).

### Zoologi

Zoologi merupakan ilmu dan cabang sains yang mengkaji mengenai kelompok benda hidup yang kenali sebagai haiwan. Ilmu ini juga menguatkan iman seseorang insan bahawa Allah SAW yang menciptakan haiwan di bumi ini dan mengajarkan manusia mengenai pengertian dan pemahaman asas mengenai habitat, kelakuan dan pengelasan haiwan dan tumbuh-tumbuhan (Jasmi & Mat Udin, 2013). Hal ini sepertimana yang disebutkan dalam firman Allah SWT ini:

وَمَا مِنْ دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَائِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمُّ أَمْثَلِكُمْ مَا فَرَضْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ يُحْشَرُونَ ﴿٣٨﴾

Maksud: *Dan tiadalah haiwan yang ada di bumi dan burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat (juga) seperti kamu. Tiadalah kami apakan sesuatu apapun di dalam Al-Kitab, kemudian kepada Tuhanlah mereka dihimpunkan.*"

(Surah *al-An'am*, 6: 38)

Ayat al-Quran di atas menjelaskan bahawa bumi ciptaan Allah SWT mempunyai kelengkapan yang cukup sempurna dan menarik. Hal ini jelas sepertimana yang disebutkan dalam ayat di atas tentang hidupan seperti burung yang cukup sifatnya serta kelebihannya yang boleh berterbangan di udara.

### **Kejuruteraan**

Setiap ilmu yang dipelajari mampu meningkatkan pengetahuan seseorang individu. Malahan ia membantu manusia dalam mengenali Allah SWT sebagai Pencipta Alam. Dalam al-Quran juga banyak menyebut dan menggalakkan manusia untuk berfikir dan mengkaji. Hal ini demikian kerana melalui kajian yang dijalankan akan dapat menunjukkan tanda kekuasaan Allah SWT yang berkuasa menjadikan segalanya. Ilmu kejuruteraan juga dianggap sebagai salah satu dari sains matematik yang dibahagikan kepada bentuk dan nombor yang menggabungkan antara pengetahuan, matematik dan pengalaman dalam membentuk objek atau proses. (Mohd Azli Adnan, t.th.).

Hasil daripada ilmu kejuruteraan ini mampu melahirkan masyarakat yang berpotensi dalam menghasilkan ciptaan yang bermanfaat dalam usaha untuk mewujudkan kehidupan yang sejahtera dan selasa.

### **Pembangunan Masjid**

Maksud masjid dari segi bahasa merupakan tempat bersujud. Manakala dari segi istilah pula masjid merupakan tempat beribadat khusus seperti solat dan iktikaf bagi orang Islam. Pembinaan masjid juga merupakan pusat kebudayaan, muamalat, dan perkembangan dakwah Islamiah, serta pusat aktiviti bagi umat Islam (Mustari et al., 2013; Abd. Wahab et al., 2016; Mustari, M. I. & Jasmi, K. A., 2008b, 2008a; Mustari, M. & Jasmi, K. A., 2008a, 2008b; M. Abdulaziz et al., 2008). Selain itu, masjid juga merupakan tempat untuk mempelajari dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam. Kepentingan masjid jelas terlihat dalam perkembangan sejarah agama Islam yang mana antara perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW setelah berhijrah ke Madinah al-Munawwarah ialah membina masjid. Dalam hal ini, masjid dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan dakwah yang menghubungkan manusia dengan Allah dan manusia sesama manusia. Dengan itu, pembinaan masjid juga amat membantu masyarakat dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dan amalan sunnah melalui pengukuhan fungsi masjid sebagai pusat keilmuan dan kemasyarakatan (Abdulaziz et al., 2008; Nor Azlina Abd. Wahab, 2016)

### **Piagam**

Piagam ditubuhkan bagi mewujudkan garis panduan negara. Piagam Madinah atau *Sabifah Madinah* bermula pada zaman Rasulullah SAW, iaitu di Madinah. Ketika itu, penduduk Madinah terdiri daripada pelbagai kaum dan masyarakat. Namun masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama termasuk Yahudi dan Kristian pada ketika itu dapat menerima baginda Rasulullah SAW sebagai pemimpin negara. Pertubuhan Piagam Madinah ini turut mewujudkan rasa tanggungjawab dan hormat menghormati dalam diri masyarakat Madinah khususnya dalam mempertahankan Kota Madinah daripada sebarang ancaman luar. Semasa baginda Rasulullah SAW memimpin Madinah, baginda amat menitikberatkan perpaduan antara kaum dan masyarakat. Pendekatan yang diambil oleh Rasulullah SAW ini berjaya melahirkan masyarakat yang hidup dalam keadaan harmoni dan cintakan negara.

Di samping itu, piagam ini juga berperanan penting dalam mengekalkan kermanan negara (Mohd Mazuki et al., 2013). Seterusnya, antara kesannya yang utama ialah terbentuknya sebuah negara Islam yang kuat dan kukuh. Hal ini demikian kerana Piagam Madinah memperakui hak orang Islam dan hak orang bukan Islam termasuk hak seluruh penduduk Madinah untuk mendapat perlindungan dan keselamatan dari segi pengadilan dan perundangan. Tambahan pula, Piagam Madinah berjaya membentuk masyarakat bersatu padu dan kuat serta mewujudkan kesedaran dalam kalangan mereka bahawa Madinah adalah milik bersama. Dalam hal ini, orang Islam

bebas beraktiviti, berhimpun, dan bermesyuarat bagi merencanakan lagi kegiatan keilmuan dan kemasyarakatan mereka. Dalam masa yang sama orang bukan Islam juga bebas melakukan aktiviti dan rutin harian mereka. Dengan itu, mereka mempunyai kewajiban bersama dalam menjaga keharmonian hidup bermasyarakat serta mempertahankan negara.

### Pengurusan Jenazah

Ilmu pengurusan jenazah merupakan ilmu yang penting dan harus diterapkan kepada anggota masyarakat termasuk golongan muda-mudi. Hal ini demikian kerana amalan ini merupakan satu ibadah yang bukan hanya dikhususkan untuk golongan tua malah merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama. Di samping itu, ilmu fardu kifayah dalam pengurusan jenazah ini mampu mengingatkan manusia bahawa kematian merupakan sesuatu yang pasti. Oleh itu, kegiatan ini mampu meningkatkan iman mereka untuk bersungguh-sungguh melaksanakan tuntutan agama dalam kehidupan. Malahan ilmu ini juga akan menjadi keutamaan bagi setiap individu dalam menguruskan jenazah apabila melibatkan kematian ahli keluarga mereka sendiri (Jasmi, 2007).

Ilmu pengurusan jenazah sepatutnya diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain untuk menjamin kesinambungan kemahiran dalam menguruskan jenazah. Hal ini demikian kerana jika sebaliknya, dikhuatiri masyarakat akan berdepan dengan pelbagai kesukaran dalam menguruskan jenazah apabila keadaan memerlukan.

Di samping itu, ilmu pengurusan jenazah dapat mewujudkan rasa tanggungjawab dalam diri seorang yang berpengalaman untuk bersama-sama membantu dalam memberi ilmu tentang pengurusan jenazah terhadap generasi muda. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ وَإِن تَدْعُ مُثْقَلَةٌ إِلَىٰ حِمْلِهَا لَا يُحْمَلْ مِنْهُ شَيْءٌ وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ ۗ إِنَّمَا تُنذِرُ  
الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ ۗ وَمَن تَزَكَّىٰ فَإِنَّمَا يَتَزَكَّىٰ لِنَفْسِهِ ۗ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ ﴿١٨﴾

Maksud: *Dan orang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain. Dan jika seseorang yang berat dosanya memanggil (orang lain) untuk memikul dosanya itu tiadalah akan dipikulkan untuknya sedikitpun meskipun (yang dipanggilnya itu) kaum kerabatnya. Sesungguhnya yang dapat kamu beri peringatan hanya orang-orang yang takut kepada azab Tuhannya (sekalipun) mereka tidak melihat-Nya dan mereka mendirikan sembahyang. Dan barangsiapa yang mensucikan dirinya, sesungguhnya ia mensucikan diri untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan kepada Allahlah kembali(mu).*

(Surah Fathir, 35:18)

Ayat ini sangat menekankan tentang tanggungjawab seseorang individu dalam mengingatkan orang lain tentang tuntutan agama yang harus dilakukan. Jika tidak dilaksana tanggungjawab fardu kifayah tersebut, maka berdosa bagi semua orang Islam yang berada di kawasan tersebut.

### FARDU KIFAYAH DALAM Mencari REZEKI

Dalam kehidupan manusia, pekerjaan juga merupakan sesuatu yang amat penting dalam pembangunan tamadun dan masyarakat. Hal ini demikian kerana mencari rezeki yang halal adalah suatu perintah dan tuntutan dalam Islam kepada umat manusia bagi tujuan menanggung diri dan juga keluarga (Mustaffa & Ahmad, 2002; Jasmi & Md Saleh @ Masrom, 2005; Mohd Nor & Jasmi, 2006; Tahir, 2008; Muhammad & Jasmi, 2009; Sulaiman *et al.*, 2013; Hamzah & Jasmi, 2020). Dalam hal ini, amat besar galakan kepada umat manusia untuk membina kerjaya kerana ianya turut berkait dengan pembinaan tamadun. Dalam konteks mencari rezeki, ternyata dalam penciptaan bumi, Allah SWT menyediakan satu permukaan yang luas terbentang bagi umat manusia mencari

rezeki di mana sahaja. Ianya bukan sahaja yang melibatkan pekerjaan profesional seperti perubatan, kejuruteraan, perundangan dan lain-lain yang membawa keuntungan yang tinggi bahkan termasuk juga pekerjaan yang lain yang turut memberi sumbangan yang besar dalam pembangunan tamadun dan saling melengkapi antara satu sama lain.

Malahan Islam memandang setiap pekerjaan yang dilakukan oleh manusia sebagai mulia dan terpuji selagi tidak melanggar syariat yang ditetapkan. Hal ini demikian kerana mencari pekerjaan dan berusaha mencari rezeki yang halal tanpa berputus asa merupakan satu tuntutan ke atas umat Islam.

### Perspektif Kerjaya

Menurut Mohd Sobali et al. (2013), pekerjaan bermaksud suatu bidang profesional yang melibatkan usaha fizikal, minda atau akal seseorang dalam suatu pekerjaan yang mudah mahupun sukar. Usaha yang dikerjakan bertujuan memberi manfaat kepada kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Pekerjaan juga merupakan satu ibadat yang diusahakan tidak kira dari apa jua pekerjaan halal yang merupakan satu jalan yang penuh cabaran dalam mendapatkan harta dan keperluan dalam kehidupan.

### Pekerjaan Yang Halal

Pekerjaan yang berstatus halal merupakan satu syarat utama dalam Islam yang bertujuan memenuhi tuntutan fardu kifayah (Mustaffa & Ahmad, 2002). Seperti firman Allah ini:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُؤُومًا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksud: *Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.*

(Surah *al-Baqarah*, 2:168)

Dalam ayat ini, manusia diperintahkan untuk mencari rezeki yang halal dan baik dari sumber yang Allah sediakan dimuka bumi ini dengan usaha sendiri, dan bukannya dengan cara yang haram seperti mencuri, merampas, menipu, berlaku zalim dan sebagainya.

### Ikhlas

Bekerja dengan hati yang ikhlas merupakan salah satu syarat untuk menjadikan sesuatu pekerjaan itu layak diangkat menjadi ibadah (Jasmi, 2016a, 2017c). Dengan itu, perasaan ikhlas amat baik untuk dipraktikkan semasa bekerja selain meniatkan pekerjaan tersebut dilakukan kerana Allah SWT. Dalam hal ini, satu hadis ada menyatakan (Al-Bukhari, 2001: 1; Muslim, t.th.: 1907):

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ، وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَّا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَزَوَّجُهَا، فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.»

Maksud: *Umar RA berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap individu itu (dinilai) berdasarkan apa yang dia niatkan. Sesiapa yang niat hijrahnya untuk Allah dan Rasul-Nya, maka dia hijrahnya akan menjadi untuk Allah*

*dan Rasul-Nya. Sesiapa yang hijrahnya adalah untuk dunia, dia akan mendapatnya atau untuk wanita yang dikahwininya, maka hijrahnya hanya mendapat yang dihijrahkannya.”*

*(Al-Bukhari dan Muslim)*

Hadis di atas merupakan satu hadis sahih yang masyhur dan hadis ini menerangkan tentang kepentingan niat dalam setiap amalan dan pekerjaan harian umat Islam dan tidak hanya khusus pada ibadah sahaja.

Hal ini demikian kerana sifat seorang yang ikhlas dalam pekerjaan boleh melahirkan ramai pemimpin yang bertakwa khususnya menegakkan keadilan untuk satu-satu perkara biarpun melibatkan kaum kerabat mereka. Selain itu, sifat ikhlas juga dapat mendorong seseorang individu ke arah ketakwaan. Di samping itu, sifat ikhlas dalam bekerja mampu mencegah seseorang dari melakukan sesuatu yang negatif dalam urusan pekerjaan seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa (Jasmi, 2016a). Seterusnya, ia turut memberi impak yang besar dan positif terhadap penghasilan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

### **Bersungguh-Sungguh**

Kesungguhan dalam bekerja juga memainkan peranan yang besar dalam menentukan kualiti kerja yang mampu menghasilkan produktiviti yang tinggi (Jasmi, 2017b, 2010; Jasmi, Tamuri, & Mohd Hamzah, 2009; Jasmi, Tamuri, & Hamzah, 2009; GCPI, 2008; Jasmi & Tamuri, 2007). Malahan, sikap bersungguh-sungguh merupakan sikap mulia dan terpuji yang sepatutnya dihayati oleh setiap individu (Mustaffa & Ahmad, 2002). Kenyataan ini berdasarkan hadis berikut (Al-Tabrani, 1994: 776; 1995: 897; Al-Bayhaqi, 2003: 4929; Abu Yu'la, 1984: 4386):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَقِنَهُ.»

Maksud: 'A'ishah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah menyukai seseorang dari kamu yang bersungguh-sungguh apabila melakukan sesuatu pekerjaan"

*(Al-Tabrani, al-Bayhaqi, dan Abu Yu'la)*

Hadis di atas menjelaskan bahawa sikap bersungguh-sungguh perlu ada dalam diri setiap individu dalam menjalankan tanggungjawabnya. Hal ini demikian kerana sikap positif yang diterapkan dalam diri individu mampu menghasilkan mutu kerja yang terbaik dan berkualiti serta mampu memberikan manfaat kepada diri, masyarakat dan negara.

### **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, dapat difahami bahawa fardu kifayah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilunaskan oleh sebahagian daripada anggota masyarakat. Dalam hal ini, penguasaan ilmu fardu kifayah sangat penting untuk memenuhi pelbagai tuntutan dan keperluan dalam kehidupan manusia. Dengan itu, pengaplikasian ilmu fardu kifayah dalam kehidupan masyarakat dapat menjamin kemaslahatan dan kesejahteraan umat manusia seluruhnya.

### **RUJUKAN**

Abd. Wahab, Nor Azlina, Ab. Hamid, Norafifah, & Che Man, Norajila. (2016). Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219-229.

- Abdillah Azizy, Ahmad Qodri. (2004). *Membangun Fondasi Ekonomi Umat: Meneropong Prospek Berkembangnya Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Abdulaziz, Adel M, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. (2008). *Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Abdullah, Ahmad Baharuddin. (2004). *Memperkenalkan Bidang Kejuruteraan: Persepsi & Sumbangan Islam*. Bentong, Pahang :: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah, Ahmad Bahruddin. (2004). *Bidang Kejuruteraan, Persepsi & Sumbangan Islam*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abidin, D.Z. (2003). *Perubatan Islam Edisi Kedua*. Bentong, Pahang: PTS Millennia.
- Abu Yu'la, Ahmad. (1984). *Musnad Abi Yu'la* (Husain Salim Asad Ed. Vol. 1-13). Damsyiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.
- Adnan, Mohd Azli, Ahmad, Asnuurien Najma, & Husin, Rasdin. (t.th.). *Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam*. Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1994). *Al-Mu'jam al-Kabir* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-25). Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1995). *Al-Mu'jam al-Ausat* ('Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad Ed. Vol. 1-10). Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Analia, Anne, Demoni, Bunga Diadara, Wati, Ria Vinola Widia, Wulan, Siti Nur, & S., Tamara Amalia. (2013). *Sains dan Teknologi dalam Islam*. Retrieved from <http://riaviinola.blogspot.my/2013/12/sains-dan-teknologi-dalam-islam.html>
- Ashraf Aziz, Mohd Farid Abbas, Mohd Saaban Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- Basiron, Bushrah. (2013). *Penggunaan & Pemilikan Harta Menurut Perspektif Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Danusiri, Danusiri. (2015). Islam: Membentuk Sains dan Teknologi. *Jurnal Theologia*, 26(1), 31.
- Fakhri, Jamal. (2010). Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Ta'dib: Journal of Islamic Education (Jurnal Pendidikan Islam)*, Vol 15(No 01 ), 121-142.
- Fakri, Jamal. (2010). Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Ta'dib*, XV(1).
- GCPI. (2008) *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah/Interviewer: Jasmi Kamarul Azmi*. PhD, FTI, UTM, Skudai Johor.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hassan, Muhammad Haniff. (2000). *Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan dan Perubatan*. Singapura: Perdaus.

- Ibrahim, Muhamad Izzat, Nazri, Fadzren Iqbal, & Basiron, Bushrah. (2018). *Islam Serta Pembentukan Sains dan Teknologi*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jalal, Burhanudin. (2017). Agama. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 2-5). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Available from <http://dms.library.utm.my:8080/vital/access/manager/Repository/vital:67877>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016a). Niat dan Ikhlas. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 11-13). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016b). Pembangunan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 99-100). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017a). Adab. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 1-2). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017b). Guru Cemerlang. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 53-56). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017c). Niat dan Ikhlas. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 138-140). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017d). Pembangunan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 149-150). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017e). Pembangunan Insan. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 151-152). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017f). Riyadah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2nd ed., Vol. 1, pp. 205-206). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). Karakter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 9: Program Budaya al-Quran. 27hb. September 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Ahmad, Azura, & Jamarluddin, Izzatul Amanda. (2013). Al-Quran dan biologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran* (pp. 49-73). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.



- Jasmi, Kamarul Azmi, & Ahmad Zawawi, Nurliyana. (2013). Al-Quran dan Geografi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 55-81). Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Jasmi, Mohd Aris. (2019). *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan*. Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Mat Udin, Syarah. (2013). Al-Quran dan Zoologi. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Bootani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran* (pp. 17-31). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2005). *Kecemerlangan Wanita Profesional Mengimbangi Tugas Rumahtangga dan Kerjaya: Perspektif Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Wanita Profesional, Main Hall of Faculty of Education, Universiti Malaya.  
[http://eprints.utm.my/41142/1/JasmiKA2005\\_KecemerlanganWanitaProfesionalMengimbangiTugas.pdf](http://eprints.utm.my/41142/1/JasmiKA2005_KecemerlanganWanitaProfesionalMengimbangiTugas.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi, Othman, Siti Nadirah, & Walter, Azureen Sabina. (2012, 21 April 2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007, 22-23 Ogos 2007). *Guru Cemerlang dalam Sekolah Berkesan*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pendidikan Kebangsaan Halatuju dan Masa Depan Pendidikan Negara, Auditorium Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. (2009). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Sains Humanika*, 51(1).
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Mohd Hamzah, Mohd Izham. (2009). *Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Menengah kepada Allah S.W.T.: Satu Kajian Kes*. Kertas kerja Dibentangkan di The 7th World Conference on Muslim Education, Blue Wave Hotel, Shah Alam Selangor.  
[http://eprints.utm.my/41075/1/KamarulAzmiJasmi2009\\_KeperibadianGuruGCPIkepadaAllah.pdf](http://eprints.utm.my/41075/1/KamarulAzmiJasmi2009_KeperibadianGuruGCPIkepadaAllah.pdf)
- Jusoh, Yahaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Kadri, Zarina, Ahmad, Sanep, & Mohd Noor, Mohd Ali (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Jilid 2*.
- Kuang, Lau Chun, Sulaiman, Salwani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Islam: Agama, Sejarah, dan Tamadun*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- M. Abdulaziz, Adel, Mohamed, Ahmad Kamel, & Zakaria, Nidzamuddin. (2008). Kepentingan dan Peranan Masjid dari Sudut Pendidikan dalam Masyarakat Islam. In Mohd Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Miskon, Shahrul Affendi, Hairudin, Norhazah, & Safar, Jimaain@Ajmain. (2018). *Sains Teknologi Islam dalam Pembelajaran*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ali, Ahmad Fahme, Ibrahim, Mohd Faisol, Ab Aziz, Muhammad Ridhwan, & Fuadah, Johari. (2014). Konsep dan Isu Had Kifayah: Kemiskinan Bandar dan Jantina dalam Pengagihan Zakat. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*.
- Mohd Azli Adnan, Asnuurien Najma Ahmad, Rasdin Husin. (t.th.). *Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam*. Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya

- Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Mohd Mazuki, Azyati Azhani, Mujani, Wan Kamal, Aziz, Azmi, & Rozali, Ermy Azziaty. (2013). Aplikasi Konsep Wasatiah Dalam Pembentukan Piagam Madina. *International Journal of West Asian Studies*, 5(2), 15.
- Mohd Nor, Nor Shelida, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Urusan Rumahtangga Dan Kerjaya: satu Kajian Terhadap Mahasiswa Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (pengajian Islam)*. (Sarjana Muda), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Mohd Sobali, Amiruddin, Zakaria, Nidzamuddin, & Syed Hassan, Syed Najihuddin. (2013). *Fardu Kifayah dalam Kepelbagaian Karier menurut Perspektif al-Quran*. Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2009). Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak *Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya* (pp. 129-140). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustaffa, Mohamed Sharif, & Ahmad, Roslee. (2002). Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 8(Oktober), 63-70.
- Mustari, Mohd Ismail, Basiron, Bushrah, & Muhammad, Azhar. (2013). *Menginovasi Masjid mensejahtera ummah*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Mustari, Mohd Ismail, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008a). Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari (pp. 138). Johor Bahru, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustari, Mohd Ismail, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008b). *Pengimarahannya Masjid dalam Agenda Ummah*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008a). *Pengimarahannya Masjid dalam Agenda Ummah*. Skudai, Johor Bahru, Johor.
- Mustari, Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2008b). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Skudai, Johor Bahru, Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Myibbin, Mohd Rifqi, Hassan, Siti Zainab, Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2004, 7-9 December 2004). *Zakat Pertanian dalam Konteks Malaysia Satu Kajian dan Penilaian Semula*. Kertas Kerja Dibentangkan di International Seminar on Islamic Thoughts, Bangunan Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nairozle, Muhammad Imran, Ibrahim, Muhammad Nur Arif, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Sains-Teknologi dan Ilmu Agama Menurut Bahasa al-Quran dan Hadis*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun Islam 2018, Bilik Kuliah 6, Blok N28, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nisa', Ririn Choirun, Rahma, Widya, & Chotima, Kusnul. (2014). *Pendidikan Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Hadits*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, Indonesia: Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan Jurusan Pendidikan Agama Islam Surabaya.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. (2016). Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT*, 5(2).
- Nugraha, Mukhlas. (2016). Konsep Ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah dan Kepentingan Amalannya dalam Kurikulum Pendidikan Islam. *IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 10 (2017): 103-149.
- Omar, Nizaita (2006). Perkembangan Ilmu Perubatan: Sebelum dan Selepas Kedatangan Islam. *Jurnal Pengajian Umum Bil.*, 7.

- Othman, Siti Nadirah, Walter, Azureen Sabina, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012.
- Saari, Che Zarrina, & Borhan, Joni Tamkin. (2003). Pembangunan Ekonomi Masjid (Economic Development of Mosque). In Norrodzoh Siren & Yusmini Md Yusoff (Ed.), *Pembangunan Institusi Masjid (Development of Mosque Institution)* (pp. 43-58). Kuala Lumpur: Dept. Of Dakwah and Human Development, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
- Safar, Ajmain@Jimaain. (2017a). Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2 ed., Vol. 1, pp. 5-10). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Safar, Ajmain@Jimaain. (2017b). Pendidikan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2 ed., Vol. 1, pp. 173-180). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Saniman, Muhammad Amin, Xuan, Teoh Hao, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Peringkat Permulaan Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sulaiman, Mansor, Ahmad, Hasan, Ikmal Hisham, Ahmad Irfan, Md Nordin, Noradilah , & Ramli, Saharudin. (2013). *Had al-Kifayah di Kalangan Masyarakat Islam: Merungkai Keperluan Kaedah Penentuan Garis Miskin dan Kaya Berasaskan Sunnah di Malaysia*.
- Tahir, Endok Sempo Mohd. (2008). *Mengapa Saya Bekerja? Cerita-cerita Inspirasi Wanita Bekerjaya* (Siti Nor Fadilah Salleh, Nor Hafizah Mohd Samsudin, & Nahddatun Nisaak Othman Ed.). Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Wahyudi. (2011). *Integrasi Pendidikan Agama Islam dengan Sains dan Teknologi*. (Pascasarjana), Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Kediri, Kediri, Indonesia.
- Wan Embong, Wan Hassan. (2017). Pendidikan. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 170-173). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, Azizi , & Hashim, Shahrin. (2008). *Permasalahan dalam Pendidikan Sains dan Matematik*. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press.